

Mahathir: Kunci ke arah hidup sempurna

PULAU PINANG, Jumaat

TIMBALAN Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed menegaskan, falsafah hidup bersama boleh disifatkan sebagai kunci kemakmuran hidup yang lebih sempurna.

Di samping itu katanya, Kerajaan memerlukan kerjasama rakyat sama-sama membentuk corak kehidupan generasi akan datang.

Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan demikian semasa merasmikan Persidangan Perhubungan Masyarakat Malaysia selama tiga hari bermula hari ini di Dewan Sri Pinang.

Seramai 430 orang pemimpin masyarakat di seluruh negara menyertai sidang tersebut mewakili 26 Majlis Perhubungan Masyarakat.

Dato Seri Dr. Mahathir diberi sambutan warna warni semasa tiba di dewan tersebut.

Bellau berkata, biasanya terdapat jurang di antara masyarakat dengan Kerajaan dan pegawai-pegawai Kerajaan dengan masyarakat.

Katanya, rancangan perhubungan masyarakat yang dianjurkan oleh Lembaga Perpaduan Negara adalah untuk mengatasi jurang ini.

Kesedaran

Katanya, program rancangan perhubungan masyarakat ini akan menimbulkan kesedaran tentang perlunya perhubungan di antara rakyat dengan Kerajaan melalui bidang pelajaran, kesihatan.

Memandang kepada rancangan ini meliputi semua bidang kegiatan pembangunan masyarakat, ia patut dan perlu menjadi payung kepada apa juga kegiatan perhubungan masyarakat di tempat itu.

Katanya, pelaksanaan rancangan seumpama ini sudah tentu memerlukan kerjasama yang ikhlas dan jujur dari setiap orang termasuk agensi Kerajaan dan badan-badan sukarela yang lain.

Menyentuh tentang persidangan tersebut beliau berkata ia dapat memberi satu rumusan terhadap keperluan rakyat di dalam hidup bermasyarakat sesuai dengan tempat dan keadaan sekeliling.

Beliau berkata, proses intergrasi masyarakat bandar akan diterima oleh rakyat kalau kita dapat memberikan daya penarik yang bermakna dan simbolik yang senang mereka fahami.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Menjayakan

Katanya, projek-projek kebajikan dan kegiatan-kegiatan lain yang dianjurkan hendaklah dikaitkan dengan matlamat perpaduan negara di samping kesedaran bahawa usaha-usaha yang dijalankan ini akan membawa keuntungan masa depan.

Bellau menambah, dengan wujudnya rancangan pembangunan masyarakat usaha murni Lembaga Perpaduan Negara akan dapat dipercepatkan untuk mencapai satu bentuk masyarakat yang mempunyai nilai-nilai tinggi yang saling mengerti antara satu sama lain.

Beliau mencadangkan, Lembaga Perpaduan Negara memberi perhatian penuh bagi menjayakan rancangan-rancangannya dan memastikan juga kemungkinan adanya penyalahgunaan jentera ini atau penyelewengan dari golongan tertentu.

Sementara itu Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara Tun V.T.Sambantan dalam ucapannya sebelum itu berkata, terdapat 10,000 orang ahli jawatkuasa pemimpin masyarakat yang terlibat dalam kegiatan Lembaga Perpaduan Negara sekarang.

Katanya, adalah jangka bilangan ini akan bertambah dan beliau berharap tenaga dan fikiran mereka dalam menyusun semula masyarakat berbilang kaum akan berlipatganda.